

# Wanita usah emosi jika pasangan mahu berpoligami

**Bangi:** Wanita dinasihat lebih terbuka tanpa mengikut emosi ketika dimaklumkan permohonan suami untuk berpoligami, sebaliknya hadir bekerjasama untuk ditemu bual pihak mahkamah syariah.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud, berkata kehadiran isteri pertama ke mahkamah sekadar mengesahkan suami berpoligami, tidak merugikan mereka.

Beliau berkata, wanita jangan jadi 'bodoh' mengikut emosi, hingga memberontak enggan ke mahkamah ketika diminta berbuat demikian.

Katanya, kehadiran isteri pertama penting kerana ketika hadir bertemu hakim untuk sesi temu bual, wanita sebenarnya memberi maklumat mengenai status suami sama ada layak atau sebaliknya dari segi zahir mahupun batin untuk berpoligami.

"Mahkamah perlu mengesahkan akuan suami dan maklumat ini memudahkan hakim membuat kepu-



Saya nasihatkan wanita hadir ke mahkamah dan bantu hakim dapat maklumat tepat sebelum buat sebarang keputusan"

**Siti Mariah Mahmud,**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Tetap  
Kesihatan, Kebajikan,  
Pemberdayaan Wanita  
dan Keluarga  
Negeri Selangor

tusan sama ada suami layak atau sebaliknya tanpa mendengar sebelah pihak.

"Saya nasihatkan wanita bertindak bijak, hadir ke mahkamah dan membantu hakim mendapatkan maklumat tepat sebelum membuat sebarang keputusan," katanya.

Siti Mariah berkata demikian ketika ditemui selepas Seminar Kefahaman Undang-Undang Syariah: Ketahui Hak Anda anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, di sini, baru-baru ini.

## Tak perlu pinda akta

Minggu lalu, kerajaan Perak berancang meminda undang-undang poligami dengan membenarkan suami berkahwin lain tanpa kehadiran atau mendapatkan keterangan isteri di mahkamah syariah.

Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Pendidikan Islam, Luar Bandar dan Pembangunan Usahawan negeri, Asmuni Awi, berkata pindaan itu secara tidak langsung memudahkan proses poligami di dalam negeri serta mengurangkan pernikahan di luar negara.

Sementara itu Ketua Hakim Syarie Selangor, Mohammad Adib Husain, berkata Mahkamah Syariah negeri tidak perlu meminda akta berkaitan poligami di sini, bagi memudahkan pelaksanaannya kerana undang-undang sedia ada sudah sempurna.

Beliau berkata, mengikut berkata Seksyen 23 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003, peraturan sedia ada molek, tidak memerlukan pindaan baharu seperti cadangan kerajaan Perak.

Katanya, bagaimanapun terserah

kepada suami untuk datang membuat permohonan. Mereka perlu menyerahkan surat permohonan kepada isteri pertama atau terdahulu sebagai makluman untuk hadir ke mahkamah.

"Sama ada dia (isteri) mahu hadir atau tidak, terserah kepada pihak isteri. Jika hadir, mereka ditemu bual sama ada setuju atau tidak.

"Jika tidak setuju, tidak mengikat tugas hakim menghalang, tetapi boleh benarkan poligami itu diteruskan. Kebenaran berpoligami tidak terletak di tangan isteri, tetapi hakim membuat keputusan," katanya.

Mohammad Adib berkata, mahkamah syariah akan meneliti segala keperluan dan alasan suami untuk berpoligami, selain mengenal pasti tahap kemampuan mereka dari sudut zahir.